

*Sentuhan*  
**EMAS**  
**DR. MAHATHIR**

**S. Hashim Ahmad**



PERDANA MENTERI  
MALAYSIA

## *Kata-kata Muan*

*Catatan perjuangan masa kini tidak akan menjadi rentetan sejarah pada masa akan datang untuk dihayati sepenuhnya oleh umum jika ia tidak didokumentasikan dalam bentuk buku sebegini rupa dengan pengantaran bahasa yang mudah difahami.*

*Justeru itu, usaha dan bukti yang dibuat oleh penulis dan penerbit buku ini merupakan satu langkah tepat dan berani di mana ianya mengambil masa yang lama dalam penyediaan bahan yang diabdikan.*

*Semoga buku ini akan menambah bilangan karya yang boleh dijadikan khazanah untuk generasi akan datang.*

*Terima kasih,*



DR MAHATHIR BIN MOHAMAD



*Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad*

## Penghargaan


YAB Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad  
Perdana Menteri Malaysia di atas keizinan  
dan merestui buku cenderamata  
"SENTUHAN EMAS DR. MAHATHIR"  
diterbitkan.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin yang banyak  
membantu dan memberi kerjasama ikhlas sehingga  
buku cenderamata ini berjaya menjadi tatapan umum.  
Semoga budi baik itu dirahmati Allah s.w.t

S. Hashim Ahmad



*Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad*



*"Dengan nama Allah dan penuh rasa  
keinsafan saya tujukan buku  
'Cendermata Khas'  
ini kepada pemimpin yang amat  
saya hormati dan kasih  
Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad  
dan Keluarga."*

*S. Hashim Ahmad*



© S. Hashim Ahmad

Penerbit & Reka Bentuk Kulit:

**JUZ'ART** (No. 000978011-D)

No: 12A, Jalan Wawasan Ampang 2/8, Bandar Baru Ampang, 68000 Ampang, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 03 - 4935217 / 4979489

Cetakan Pertama Julai, 1997.

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulangan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku cenderamata khas ini dalam apa jua bentuk dan apa juga cara sekalipun sama ada secara elektronik, foto, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.

Panel Penasihat:

**Harun Hassan**

**Siddiq Mohd Ghouse**

Lukisan :

**S. Hashim Ahmad**

Graphik & Rekaletak:

**Zuzni Zin**

**GLOBAL KREATIF**

ISBN :

**983-99269-0-X**

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

S.Hashim Ahmad, 1940

Sentuhan Emas Dr. Mahathir / S. Hashim Ahmad.

1. Mahathir bin Mohamad, Dato' Seri. 1925 - Appreciation
2. Prime Ministers-Malaysia.
3. Malaysia-Politics and government. 1. Judul. 320.9595

Pencetak :

**INNOPACK MARKETING (001014313-V)**

Harga:

**RM100.00**

M  
320.9595  
HAS

M  
1043771

17 OCT 2001  
Perpustakaan Negara  
Malaysia

## *Salam Penerbit*

*Tiada susunan kata dapat dilafazkan atas usaha dan kesungguhan S. Hashim Ahmad menyiapkan buku ini. Walaupun dirancang keluarannya Julai 1996 lalu sempena genapnya 15 tahun Datuk Seri Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri Malaysia tetapi disebabkan masalah teknikal terpaksa ditunda penerbitannya.*

*Penulisan dan karya seni lukis yang disatukan dalam Cenderamata Khas "SENTUHAN EMAS DR. MAHATHIR" oleh S. Hashim Ahmad kami memberi penghargaan utama. Dengan kreativiti penulisan dan lukisan beliau dalam buku ini tentunyalah merupakan satu "Hadiah Khas" kepada pemimpin besar kita yang dikasihi, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dengan sempena kepimpinan beliau sebagai Perdana Menteri Malaysia selama lebih 15 tahun menerajui negara.*

*Buku ini diharap akan disambut baik oleh seluruh rakyat. Buku berbentuk cenderamata ini patut berada dalam simpanan individu sebagai khazanah berharga untuk pengetahuan rakyat masa kini dan rujukan masa depan sama ada yang masih dalam buaian atau belum dilahirkan.*

*Kami merasakan bahawa buku ini merupakan satu luahan rasa hati penulis yang begitu mengamati kepimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang banyak menabur jasa serta mengharumkan nama negara, bangsa dan agama tanpa mengenal perkataan takut, penat dan jemu. Rakyat rata-*

*rata menikmati segala kemakmuran ekonomi dan kestabilan politik di bawah kepemimpinan beliau.*

*Ketenangan wajahnya jelas menampilkan kesabaran dan kegigihan yang tanpa henti-henti merintis jalan, menempuh onak dan duri demi perjuangan suci lagi luhur yang tersemat kemas di hati nubari pemimpin besar ini demi meletakkan taraf dan maruah bangsa dan negara ke mercu agung.*

*Kami mengucapkan terima kasih kepada pihak Global Graphic yang telah mengusahakan tanpa mengira penat lelah dan waktu membantu menyiapkan buku ini. Kepada Khidmat Permai Sdn. Bhd. juga tidak dilupakan ucapan terima kasih kami kerana mengizinkan beberapa keping koleksi potret Datuk Seri Dr. Mahathir disiarkan dalam buku ini. Tidak lupa juga kami rakamkan terima kasih kepada mereka yang membantu dan menyokong penerbitan buku ini.*

*Akhir kata, sama-samalah kita mengucapkan selamat memimpin dan mendoakan kepada Allah S.W.T agar dikurniakan kesihatan dan kemuliaan ke atas diri pemimpin yang amat kita kasihi, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad. Amin.*

**JUZ'ART**  
Penerbit

## *Madah Penulis*

*Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Allah s.w.t kerana limpah kurnia dari-Nya dapat saya menyiapkan buku “Khas” “SENTUHAN EMAS DR. MAHATHIR” ini. Semoga karya saya ini dapat menambah bilangan penerbitan di pasaran untuk tatapan dan simpanan serta rujukan umum.*

*Lahirnya tekad untuk menghasilkan buku serupa ini memang sudah agak lama, tetapi tidak tercapai sehinggalah pada awal bulan Mei, 1996 lalu untuk diterbitkan sempena genap 15 tahun Dr. Mahathir menerajui kerajaan Malaysia sebagai Perdana Menteri.*

*Buku ini adalah “Hadiah Khas” seorang rakyat kepada pemimpin yang amat dihormati dan disanjung tinggi sejak saya berada di meja sidang pengarang Kumpulan Akhbar Utusan Melayu sebagai wartawan pada tahun 1970. Hingga ke hari ini, **Dr. Mahathir** bertakhta di hati semua lapisan rakyat. Dengan sifat peribadi dan kepimpinan yang dikurnia Allah kepadanya, **Dr. Mahathir** dikenali, disanjung dan dihormati oleh kalangan pemimpin dunia dan segenap lapisan masyarakat sama ada dewasa, remaja atau kanak-kanak. Itulah keistimewaannya. **Dr. Mahathir** sudah patut dinobatkan sebagai “Bapa Wawasan” dan “Negarawan Dunia”.*

*Di bawah pimpinan beliau jugalah, Malaysia sudah mendapat pengiktirafan dunia. Kelantangan bersuara telah meletakkan martabat bangsa dan negara disegani. Dengan kebijaksanaan politiknya, negara begitu stabil. Dengan kepintaran dan keikhlasannya juga, ekonomi negara berkembang*

*pesat dan rakyat rata-rata telah menukar corak kehidupan yang lebih sempurna berbanding dari masa-masa lalu.*

*Untuk melengkapkan lagi buku ini saudara Abdullah Hassan, Penolong Pengarang Utusan Malaysia memberi kerjasama membantu berdasarkan pengalamannya mengikuti lawatan-lawatan rasmi Dr. Mahathir hampir 20 tahun di dalam dan di luar negara dan di atas usahanya saya mengucapkan terima kasih. Sudah tiba masanya kita sebagai rakyat sama ada individu atau syarikat yang banyak merasai kenikmatan daripada keringat dan pengorbanan pemimpin yang banyak menabur budi ini patut disambut baik. Ia juga mesti dialu-alukan oleh ahli perniagaan berjaya. Hasil pertumbuhan ekonomi yang sihat dan politik yang stabil, mereka menikmati segala apa yang dicapai hari ini.*

*Akhir sekali terima kasih kepada pihak Juz'Art dan isteri saya Zabedah Shahir serta anak-anak (Shahron, Shahrin, Suriani dan Shahmir) membantu dengan rangsangan yang amat bernilai kepada saya sehingga hajat menyiapkan buku ini berjaya. Semoga pertolongan dan kerjasama mereka dalam menjayakan "**Sentuhan Emas Dr. Mahathir**" ini mendapat balasan baik daripada Allah S.W.T. Wassalam.*

## *Perihal Penulis*

*S. Hashim Ahmad nama sebenarnya Syed Hashim Syed Ahmad dilahirkan di Kuala Terengganu pada 13 Mei, 1940. Mendapat pendidikan Sekolah Melayu, Inggeris dan Arab di Kuala Terengganu.*

*Di awal tahun 60-an menjadi penulis dan jurugambar sambilan. Sekembali beliau dari London di akhir 1969, beliau bertugas sebagai anggota Pengarang di Akhbar Kumpulan Utusan Melayu dan memegang beberapa jawatan hingga berhenti dalam tahun 1978 dari meja penyunting kanan.*

*Penglibatan beliau dalam dunia penulisan dan kewartawanan termasuk sebagai pengarang bersekutu di awal penerbitan 'Mingguan Perdana' keluaran Tinta Press. Mingguan Wanita, Mingguan Kota, majalah-majalah keluaran Amir Enterprise dan buku-buku keluaran Penerbitan PENA.*

*Selain memiliki kebolehan dan minat dalam bidang penulisan, beliau juga dikenali sebagai seorang pelukis yang mendapat pendidikan dari Harrow School Of Art, London. Banyak melukis untuk "Private Collectors".*

## *Komen Pemimpin Dunia*

**MARGARET THATCHER**, bekas Perdana Mentari Britain dalam biografinya berjudul *The Downing Street Years* halaman 502.

*"Akhirnya saya mempunyai hubungan yang baik dengan Dr. Mahathir dan semakin mengagumi dan menghormati beliau. Beliau adalah seorang tegas, bijak dan praktikal."*

Presiden Amerika Syarikat, **BILL CLINTON** kepada wartawan di Washington pada 7 Mei, 1995 selepas pertemuan dengan Dr. Mahathir yang dirancang 45 minit berakhir menjadi 1 jam 20 minit.

*"Saya amat kagum dengan kepimpinan Dr. Mahathir dan saya kagum dengan pencapaian negaranya yang sukar dipercayai di bawah kepimpinan beliau sejak beberapa tahun yang lepas."*

**FRANCOIS MITTERAND**, bekas Presiden Perancis sewaktu mengalu-alukan kunjungan DR. Mahathir ke Paris pada 7 Julai, 1995.

*"Dr. Mahathir telah menyemai satu etika kerja yang telah membantu Malaysia mencapai tahap kemajuan yang sedia ada. Saya berasa kagum dengan pencapaian itu."*

Penghargaan **AL MALEK HUSSEIN**, Raja Jordan sewaktu menganugerahkan darjah tertinggi Jordan, Darjah Pembaharuan Kelas Pertama kepada Dr. Mahathir semasa melawat Amman.

*"Saya kagum dengan pembangunan Malaysia di bawah pimpinan Dr. Mahathir sehingga membolehkan negara itu menjadi model pembangunan kepada negara-negara lain. Sesungguhnya, Dr. Mahathir telah memainkan peranan penting dalam pencapaian itu. Jordan dan rakyatnya turut berbangga."*

Presiden Filipina, **FIDEL RAMOS** dalam ucapan majlis jamuan makan meraikan lawatan Dr. Mahathir ke Filipina di Istana Malacanang pada 3 Februari, 1995.

*"Dr. Mahathir adalah seorang yang bermakna kepada Filipina kerana di bawah pimpinan beliau sejarah hubungan Kuala Lumpur - Manila telah memasuki era baru."*



**THABO MBEKI**, Timbalan Presiden Afrika Selatan sewaktu mengalu-alukan kunjungan Dr. Mahathir ke negara itu pada Ogos, 1995.

*“Malaysia di bawah pimpinan Dr. Mahathir bukan sekadar kawan kepada Afrika Selatan tetapi kawan yang telah diuji walaupun dalam keadaan yang sukar. Malaysia ialah pembebas bumi ini dari apartheid. Kerana itu, Malaysia senantiasa di hati kami. Kami mahu Malaysia bukan sahaja menjadi rakan dagang utama Afrika Selatan di benua Afrika, tetapi juga rakan dagang terpenting di hemisfera selatan.”*

Bekas Perdana Menteri Pakistan, **BENAZIR BHUTTO** memberitahu wartawan MASSA, Sukhvinder Kaur dalam satu temu ramah eksklusif pada 8 Julai, 1995 di Kuala Lumpur.

*“Di bawah pimpinan Dr. Mahathir, Malaysia melalui pembangunan ekonomi yang sungguh menakjubkan, tetapi pada waktu yang sama nilai-nilai tradisi dan rohani tetap dihormati yang mendorong kepada kestabilan politik. Di bawah pimpinan beliau pembangunan ekonomi serta kemajuan politik berjaya diletakkan pada asas yang kukuh.”*

*Sentuh Emas  
Dr. Mahathir*

“*T*ahun 1996 genap 15 tahun Datuk Seri Dr. Mahathir menerajui negara sebagai Perdana Menteri setelah Tun Hussein Onn mengundur diri atas sebab-sebab kesihatan dalam tahun 1981. Walaupun dari segi tempoh, 15 tahun merupakan satu jangka masa yang lama dan terpanjang dalam sejarah kepimpinan kerajaan Malaysia berbanding dengan tempoh khidmat Perdana Menteri sebelumnya tetapi tiada siapa yang mengungkit, tiada siapa yang merungut malah rakyat mahu khidmatnya berterusan. Ini bukan kerana Perdana Menteri itu bernama Dr. Mahathir tetapi disebabkan Dr. Mahathir telah membawa terlalu banyak perubahan positif,



*Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad*

terlalu banyak pembangunan, terlalu besar kemajuan dan terus- menerus memajukan ekonomi negara dan rakyat. Bangsanya kini tidak lagi menjerit-jerit meminta dihormati oleh masyarakat antarabangsa.

Penghormatan telah datang dengan sendiri kerana negara dan rakyat mencapai tahap pembangunan dan kemajuan yang mengagumkan dunia. Cita-cita Dr. Mahathir untuk mendaulat dan memartabatkan bangsanya di arena antarabangsa telah berjaya. Ia adalah hasil hentakan minda oleh Dr. Mahathir sehingga pemikirannya telah meresap jauh ke minda rakyat. Hasilnya, teretus budaya kerja yang kuat dan budaya usaha yang gigih untuk meningkatkan kemajuan ekonomi dan pembangunan negara.)

Inilah reaksi rakyat. Mereka tidak terasa malah tidak terfikir Dr. Mahathir telah 15 tahun menjadi Perdana Menteri. Kehadirannya masih terasa terlalu singkat

kerana nama Dr. Mahathir itu sendiri sinonim dengan pembangunan negara dan pembangunan itu sendiri belum selesai.

Menurut realiti kepimpinan tertinggi politik dan pentadbiran negara, angka 15 tahun adalah suatu tempoh yang lama kerana angka itu tidak pernah dikecap oleh para pemimpin negara ini. Tetapi bagi Dr. Mahathir kehadirannya seperti tidak terasa sudah 15 tahun.

Rakyat Malaysia sepatutnya menadah tangan ke hadrat Ilahi bagi menzahirkan rasa syukur kerana dikurniakan seorang pemimpin yang berkaliber dalam segala hal, berjiwa besar dan perancangan yang diatur dan pembangunan yang dibawa boleh dianggap mendahului zaman kebanyakan rakyat negara ini.

( Pasti semua mengakui, perkembangan pelbagai

teknologi dan kemajuan negara tidak terkejar oleh minda sebahagian besar rakyat dan tidak terfikir mereka akan mengalaminya. Tetapi kemajuan itu ada, teknologi canggih setaraf dengan negara maju dunia telah wujud dan inilah rahmat untuk rakyat Malaysia, sebuah negara kecil dikurniakan seorang pemimpin besar.)

(Malaysia di bawah kepimpinan Dr. Mahathir menjadi negara bertuah kerana angka 15 bagi tempoh pemerintahan yang sepatutnya besar dan lama telah menjadi kecil dan sekejap.)

Sebenarnya angka 15 bukan sesuatu yang besar kalau dilihat dari segi angka itu sendiri dan tidak juga banyak jika direnung dari sudut nilai dan jumlahnya. Dari perspektif usia, angka 15 bererti masih remaja. Sebaliknya kalau diambil iktibar dari andaian politik, bukan hanya angka 15, malah angka 1 sudah cukup

untuk menaik atau menurunkan seseorang pemimpin parti atau negara.

Begitulah secara ringkas keajaiban angka. Ada kalanya angka yang besar tidak mendatangkan apa-apa makna sama ada dalam kehidupan atau pemerintahan dan dalam keadaan yang berbeza, sesuatu angka yang kecil boleh mencetuskan kegembiraan yang berkekalan.

Ada pemimpin negara yang lama berada di tampuk kuasa, kadangkala tidak mempunyai apa-apa erti. Banyak contoh yang boleh diambil daripada perkembangan politik dan ekonomi dunia, para pemimpin yang lama berkhidmat tidak membawa apa-apa perubahan kepada sosioekonomi rakyat dan terdapat juga negara iaitu pemimpin tidak dapat bertahan lama, mereka datang dan pergi, jatuh dan dijatuhkan hanya dalam sekelip mata.

*Malaysia hanyalah sebuah negara kecil tetapi kecilnya adalah kecil bertuah, kecil yang melahirkan para pemimpin besar sehingga ke peringkat antarabangsa. Setiap pemimpin mempunyai sejarah perjuangannya yang tersendiri, yang mengagumkan, berkarisma dan berkualiti besar.*

*Allahyarham Tunku Abdul Rahman bukan hanya pemimpin yang berjasa kepada negara dan rakyat dan akan dikenang hingga akhir hayat tetapi merupakan satu nama besar yang mencatat sejarah dunia.*

*Bagi rakyat Malaysia, nama Tunku adalah sinonim dengan kemerdekaan negara. Ia bererti rakyat dan negara ini bebas daripada belunggu penjajahan, bebas menentukan masa depan sendiri dan lebih penting bangsa Melayu menjadi bangsa berdaulat. Jasa Tunku bersama rakan-rakannya dalam UMNO, MCA dan MIC dalam gabungan parti-parti politik bernama*



*Dr. Mahathir serius dalam isu yang diucapkan*

*PERIKATAN* pasti akan terus dikenang kerana usaha mereka telah mendaulatkan bangsa-bangsa di negara ini dan nama Tunku juga tercatat dalam lipatan sejarah antarabangsa sebagai tokoh yang berjaya mendapatkan kemerdekaan negara dari kerajaan British tanpa pertumpahan darah.

Era Tunku adalah era kemerdekaan, era menghapuskan komunis dan era menamatkan darurat. Walaupun ketika itu kemajuan negara tidak seberapa, negeri-negeri masih mundur dan Kuala Lumpur sendiri belum meluas 'hutan batu', hanya getah dan bijih timah menjadi hasil utama negara tetapi itu semua tidak menjadi kriteria penting kejayaan seseorang pemimpin.

Tuntutan semasa ketika itu lebih memusat kepada kemerdekaan, menghapuskan komunis dan Tunku berjaya memenuhi tuntutan itu. Dan sebab itulah Tunku diberi gelaran Bapa Kemerdekaan.

Era Tun Abdul Razak sebagai Perdana Menteri kedua lebih tertumpu kepada era mengisi kemerdekaan. Tun Razak juga berjaya memenuhi tuntutan eranya kerana di zamannya wujud pelbagai rancangan kemajuan tanah seperti Felda, Felcra, Jengka untuk memberi peluang kepada rakyat meniknati kemajuan ekonomi dan meningkatkan taraf hidup dalam sebuah negara merdeka yang telah dirintis oleh pemimpin sebelumnya.

Pemerintah Tun Abdul Razak juga menepati tuntutan eranya kerana Allahyarham bertanggungjawab menubuhkan Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA), melancarkan Dasar Ekonomi Baru, membuka kelas dewasa untuk membasmi buta huruf, melaksanakan Dasar Pelajaran Kebangsaan dan memperkenalkan Buku Hijau untuk menggalakkan rakyat bertanam sayur-sayuran bagi membanteras inflasi. Oleh kerana itu Tun Razak diberi nama Bapa



### Pembangunan.

Era Tun Hussein Onn pula lebih mirip kepada era mengisi kemerdekaan dan meneruskan tradisi pemerintahan negara. Allahyarham diberi gelaran Bapa Perpaduan kerana dalam eranya, perpaduan bangsa-bangsa di negara ini menampakkan kemesraan. Ia merupakan satu kejayaan besar hasil kesinambungan usaha sejak era Tunku Abdul Rahman di mana berlaku peristiwa berdarah 13 Mei, era Tun Razak yang menghapuskan pemerintahan Mageran dan memupuk perpaduan kaum, dan era Tun Hussein Onn, perpaduan antara bangsa-bangsa di negara ini terjalin erat.

(Era Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri keempat juga mempunyai cabaran terutamanya mendaulatkan bangsa di kaca mata dunia dan menghadapi persaingan pelbagai kemajuan dalam

pelbagai sektor.)

(Bukan calang orang yang dapat membawa negara duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi setaraf dengan negara maju kecuali pemimpin itu mempunyai wawasan, kemampuan minda, kesungguhan usaha dan tidak penat belajar untuk membawa negara ke mercu tamadun dunia sejagat sebagaimana negara-negara maju yang lain)

Itulah sebabnya dikatakan sejak awal tadi, Malaysia hanyalah sebuah negara kecil tetapi kecilnya berkat kerana dianugerahkan dengan para pemimpin besar, besar pada usaha dan besar pada nama.

Dr. Mahathir, sebagaimana tiga Perdana Menteri sebelumnya, juga berjaya memenuhi tuntutan eranya. Kalau Tunku Abdul Rahman dengan tuntutan kemerdekaan, Tun Abdul Razak dengan tuntutan

pembangunan dan mengisi kemerdekaan, Tun Hussein Onn tuntutan kemajuan dan perpaduan, era Dr. Mahathir pula mencakupi semuanya.

(Kalau era Tunku dengan kemerdekaan negara dan kedaulatan bangsa, Dr. Mahathir mengajar rakyat memajukan diri dan bangsa. Apabila bangsa maju, negara pun maju, rakyat tidak perlu memekik supaya dihormati bangsa dunia kerana penghormatan akan datang dengan sendirinya. Ini juga termasuk kemerdekaan dalam erti kata yang lebih moden dan menepati tuntutan masa.)

(Kalau era Tun Abdul Razak menepati tuntutan pembangunan dengan membuka tanah-tanah untuk rakyat, Dr. Mahathir pula meneruskan tuntutan pembangunan dalam konteks kemajuan moden dan masa kini membina bangunan pencakar langit, memperkenalkan lebuhraya maklumat (information



*Dr. Mahathir pemimpin yang mendaulatkan bangsa di kaca mata dunia*



super highway) dan Koridor Raya Multi Media di Sepang selain daripada mengadakan pelbagai pameran bertaraf antarabangsa untuk memperkenalkan Malaysia kepada dunia.)

Tuntutan era Tun Hussein Onn pula ialah kemajuan dan perpaduan dan Dr. Mahathir juga berjaya meneruskan kesinambungan usaha ini kerana kemajuan ekonomi menerusi persyarikatan Malaysia, penswastaaan dan berbagai-bagai lagi melahirkan bukan hanya jutawan Melayu tetapi juga usahawan-usahawan Melayu yang dapat dan mampu bersaing dengan bangsa lain yang telah lama maju. Oleh kerana itu, perpaduan antara kaum lebih erat terjalin kerana sudah wujud persamaan taraf dan kedudukan dalam ekonomi dan sosial.

Selama 15 tahun Dr. Mahathir menerajui negara - satu tempoh yang lebih lama daripada tiga Perdana

Menteri sebelumnya dan dalam tempoh itu tahap pembangunan dan kemajuan negara dan rakyat amat mengagumkan.

Dr. Mahathir melakukan lebih daripada seorang pemimpin lakukan untuk bangsa demi menepati nasihatnya kepada rakyat supaya jangan memekik meminta dihormati tetapi memajukan diri dan negara dan penghormatan akan datang tanpa diundang. Mungkin itu falsafah perjuangan bangsa dan negara bagi Dr. Mahathir sehingga beliau memerah segala keringat yang ada untuk menjadikan negara dan rakyatnya model kepada dunia.

Sebenarnya kepimpinan Dr. Mahathir sepanjang 15 tahun menjadi Perdana Menteri mencatatkan pelbagai warna kemajuan kepada negara. Dia bukan sahaja meneruskan kesinambungan kepimpinan negara tetapi dalam banyak hal mendahului zamannya dalam konteks

pembangunan, kemajuan dan tahap pencapaian bangsa.

(Di bawah kepimpinannya Malaysia menikmati kekuatan sosioekonomi yang dikagumi dunia dan dalam eranya kebahagiaan rakyat, kemakmuran negara dan kehebatan pembangunan tercetus dengan begitu ketara.)

Mendaulatkan bangsa di kaca mata dunia dan memperkukuhkan ekonomi adalah idamannya sebagai meneruskan tuntutan masa dan global. (Dr. Mahathir adalah seorang insan yang penuh dengan keyakinan, kuat mempercayai kepada kemampuan diri dan rakyatnya dan sanggup melakukan apa sahaja asalkan apa yang dilakukan adalah untuk kebaikan bangsa, negara dan agama.)

Kalau Tunku Abdul Rahman digelar Bapa Kemerdekaan, Tun Abdul Razak Bapa Pembangunan,

Tun Hussein Onn Bapa Perpaduan, Dr. Mahathir belum lagi diberi sebarang gelaran. Paling sesuai dan tepat baginya ialah gelaran Bapa Kemajuan atau Bapa Malaysia Moden. Ini adalah kerana di bawah kepimpinannya, Malaysia bukan sahaja dilihat maju malah kemajuannya begitu terasa, disadari dan diinsafi oleh setiap individu.

(Kemajuan dalam semua sektor tersebar ke serata pelusuk negara dan tidak hanya terhad kepada kawasan bandar dan negeri-negeri yang telah maju seperti Selangor, Perak dan Pulau Pinang sahaja.)

Johor yang paling hebat menerima kemajuan dan pembangunan dan negeri-negeri Pantai Timur seperti Terengganu yang terkenal mundur sejak dahulu telah bangun bersaing dengan lain-lain negeri dan bersama-sama Pahang, akan terus menikmati kemajuan dan pembangunan sama ada dari segi sosial, budaya dan

perindustrian.

*Kelantan yang memilih untuk berada di bawah kepemimpinan pembangkang juga tidak terlepas dari kemajuan yang disokong oleh kerajaan pusat. Ini bererti keadilannya disamaratakan dan inilah antara inti pentadbiran dan kepemimpinan Dr. Mahathir:*

*Ini sebenarnya inti perjuangan Dr. Mahathir, seorang pemimpin walaupun mempunyai tanggungjawab kepemimpinan yang sama dengan pemimpin sebelumnya, tetapi stail kepemimpinan mempunyai kelainan.*

*(Apabila berucap, penyampaiannya paling mudah difahami. Dalam apa juga isu, sama ada politik dalaman atau antarabangsa, isu ekonomi serantau atau global, krisis dan apa juga, Dr. Mahathir mempermudah kefahaman rakyat. Akhirnya, pemikiran*



*Zamannya begitu ketara. Tahap pembangunan dan ekonomi negara berkembang pesat*

*Dr. Mahathir adalah pemikiran bangsanya sehingga minda Melayu hari ini sudah berbeza, keazaman Melayu menjadi lebih kuat, Melayu menjadi bangsa yang lebih tekun, lebih rajin dan lebih berani mencuba sesuatu yang baru. Ia adalah kejayaan stail Dr. Mahathir.)*

*Dia memperbaiki dan mempertajam daya pemikiran dan kesedaran bangsanya. Dia mahu bangsanya mempersiapkan diri menempuh dan menghadapi masa depan yang lebih mencabar sama ada dalam politik dan ekonomi selaras dengan keperibadian yang unggul.*

*(Matlamat Dr. Mahathir ialah mahu bangsanya dihormati, maju dan berdaulat. Hasrat ini terbayang sejak zaman Tunku Abdul Rahman memimpin UMNO dan negara. Dia pernah tidak seialiran pendapat dengan Tunku Abdul Rahman dalam isu cara*

*memimpin negara, dia pernah menulis surat kepada Tunku dan dia juga pernah dibuang dari UMNO. Untuk mengetengahkan pemikirannya dan mengungkap keluh-kesah bangsanya, Dr. Mahathir menulis buku bertajuk 'Malay Dilemma' tetapi diharamkan oleh kerajaan.)*

*Buku itu mencatatkan pandangannya berhubung keadaan kegelisahan orang Melayu dan rasa cemas bangsa yang termundur pada ketika itu. Dr. Mahathir juga pernah dicap sebagai Ultra Melayu oleh Perdana Menteri Singapura, Lee Kuan Yew yang membalas kecaman Dr. Mahathir berhubung permainan api perkauman Singapura dan berselindung di sebalik konsep Malaysian-Malaysia.*

*(Beliau memang patut berada di tahap sekarang dan tiada siapa mempersoalkan kehadirannya) walaupun setelah 15 tahun berlalu. (Malah rakyat merestui jika*

beliau terus berada di puncak kerana 'payungnya' begitu besar dan boleh ditumpangi oleh semua bangsa dalam apa juga aspek yang menjadi tuntutan hari ini.)

Pengalaman ketika di sekolah rendah, di kolej, di universiti, sebagai doktor dan sepak terajang politik banyak mengajar Dr. Mahathir menjadi seorang pemimpin yang baik dan berhemah tinggi. Pengalaman lalu juga banyak mendidiknya supaya melakukan segala apa yang terdaya oleh tulang empat kerat dan mindanya untuk memajukan bangsa dan negaranya.

Dr. Mahathir dilahirkan pada 20 Disember 1925 di Alor Setar, Kedah dan anak bongsu daripada sembilan adik beradik. Ayahandanya bernama Mohamad Iskandar dan bondanya, Cik Wan Tempawan Cik Wan Hanapi. Alam persekolahannya bermula di Sekolah Melayu Lelaki Seberang Perak

dan kemudian melanjutkan pengajian ke Kolej Sultan Abdul Hamid. Bagaimanapun pengajiannya terhenti semasa Perang Dunia Kedua. Dia mengisi masa lapang dengan menjual air, buah serta hasil kraftangan di Pekan Rabu dan itulah sebabnya setiap kali pulang ke Alor Setar, Dr. Mahathir tidak melepaskan peluang mengimbas nostalgia ketika kecil dengan menziarahi kawasan yang mendidik erti perit kehidupan sebagai peniaga kecil.

Selepas tamat perang, anak muda ini meneruskan pengajian. Dia bukan hanya seorang budak yang bijak dalam pelajaran tetapi juga mempunyai bakat sebagai seorang pemimpin. Dia menjadi aktivis pelajar dan berminat dalam bidang penulisan. Setelah lulus peperiksaan, anak muda ini melanjutkan pengajian dalam bidang perubatan di King Edward VII Medical College Singapura. Dalam tahun 1953, Mahathir bergelar Dr. Mahathir apabila mendapat ijazah



kedokteran (MBBS).

*Che Det*, panggilan mesra di kalangan rakan-rakan dan keluarga, telah menampilkan ciri-ciri kepimpinan sejak di bangku sekolah dan universiti lagi. Dia menjadi perhatian apabila berceramah dan banyak juga menulis di akhbar untuk melahirkan rasa marah dan sikap penentangannya terhadap Gagasan Malayan Union dan penjajah.

Demi masa depan bangsa dan negara, Dr. Mahathir mendekati diri dengan politik dan akhirnya politik semakin sehati dengannya. Dia sedar politik boleh dijadikan landasan untuk meneruskan perjuangan, bukan untuk memajukan diri tetapi demi kedaulatan bangsa dan memajukan negara.

Tugasnya sebagai seorang doktor di Hospital Alor Setar dan Langkawi membawa keinsafan yang lebih



Pasangan ideal Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali. Dijab kabul pada tanggal 5hb. Ogos 1956

mendalam tentang hasrat bangsanya dan tanggungjawab yang dipikul telah mendekatkannya dengan pelbagai lapisan masyarakat. Dr. Mahathir begitu prihatin terhadap masyarakat dan profesionnya telah menyuburkan perasaan simpati.

Untuk lebih mendekati rakyat, Dr. Mahathir meninggalkan perkhidmatannya dalam kerajaan untuk mencuba secara persendirian. Dia membuka Klinik Maha di Jalan Tuanku Ibrahim. Klinik itu juga dikenali sebagai klinik UMNO, bukan hanya kerana harga rawatan yang berpatutan tetapi juga kerana layanan yang diberikan kepada semua pesakit begitu mesra dan istimewa. Ia akhirnya menjadi simbol kemampuan seorang doktor Melayu menyaingi doktor daripada bangsa-bangsa lain, simbol kesungguhan dan iltizam seorang anak Melayu.

*Politik telah mewarnai kehidupan Dr. Mahathir*

sebagai seorang pejuang. Dia menjadi tokoh yang berdisiplin, banyak mencetuskan idea yang tidak terfikir oleh bangsanya, berani menyuarakan sesuatu yang hak dan kerap mengambil pendekatan yang tidak popular demi kepentingan semua pihak.

Idealisme perjuangan Dr. Mahathir amat jelas. Kelantangannya tidak semestinya membawa erti menentang. Pendekatan serta tindak-tanduknya sering mencetuskan kontroversi sepertimana keterampilannya dalam era menjelang kemerdekaan dan selepas merdeka.

Pengalaman pertama Dr. Mahathir dalam dunia politik sebenar ialah dalam tahun 1964 apabila beliau diberi peluang bertanding kerusi Parlimen Kota Setar. Beliau melepasi rintangan pertama tetapi 'tergolek' dalam pilihan raya 1969.

*Tetapi kebolehamnya menjadi sebab dia dilantik Senator tahun 1973 dan setahun selepas itu, Dr. Mahathir menang pilihan raya 1974 bagi kerusi Parlimen Kubang Pasu dan dilantik menjadi Menteri Pelajaran pada 6 September 1974. Kini giliran Dr. Mahathir pula memimpin dan gaya, cara dan pendekatannya pasti berbeza untuk mencapai matlamat pada zaman ini.*

*Hari ini Dr. Mahathir bukan sahaja menjadi arkitek Malaysia moden tetapi juga menjadi jaguh kecemerlangan bangsa dan negara. Suaranya berkumandang di segenap arena antarabangsa dengan pelbagai idea untuk kesejahteraan manusia sejagat.*





*Salam memberi tuah kepada Dr. Mahathir ketika bertemu dengan Tun Abdul Razak (Allahyarham) Perdana Menteri Malaysia kedua*

## *Kejutan*

*P*enelitian Dr. Mahathir di luar jangkauan minda rakyat teramai. Setelah menjadi Presiden UMNO dan Perdana Menteri banyak kejutan yang sebelumnya tidak pernah terfikir oleh rakyat sama ada kejutan itu berbentuk perubahan atau pembaharuan pembangunan. Antara kejutan pertama ialah mempercepatkan setengah jam waktu Semenanjung Malaysia.

Walaupun ramai yang bersetuju dengan perubahan waktu itu tetapi ramai juga yang membantah tetapi bantahan tidak dapat diterima kerana alasan-alasan yang dikemukakan begitu lemah sekali. Antaranya ialah mempercepatkan waktu bererti waktu sembahyang subuh begitu hampir dengan masa ibu bapa menghantar anak-



*Dr. Mahathir Perdana Menteri Malaysia yang melancarkan 'Dasar Penerapan Islam'*

anak ke sekolah di waktu pagi. Oleh kerana perubahan waktu itu dianggap lebih menyusahkan ibu bapa yang anak-anak bersekolah pagi.

Dr. Mahathir juga mempelopori konsep Kuala Lumpur 'Kota Dalam Taman'. Sebelum eranya sememangnya indah dengan bangunan lama dikekalkan dan bangunan baru diberikan ciri dan reka bentuk tempatan. Bagaimanapun dalam era Dr. Mahathir Kuala Lumpur terus berubah wajah dan menjadi semakin cantik. Orang ramai hanya mengetahui perkara ini apabila dalam ucapan-ucapannya, beliau banyak memberi penekanan kepada aspek penghijauan bandar. Ramai yang mempercayai konsep Taman Dalam Bandar telah dijadikan satu dasar merapatkan hubungan manusia dan alam sekeliling.

Apabila Dr. Mahathir memusatkan perhatiannya

kepada sesuatu perkara, ramai orang tidak akan duduk senang. Seperti juga aspek pengindahan dan penghijauan bandar, ada yang menceritakan bahawa Dr. Mahathir pernah menelefon Dewan Bandaraya bertanya kenapa sesebuah kawasan tidak ditanam pokok bunga dan kenapa jalan gelap tiada berlampu atau tiang lampunya condong apabila keadaan itu dilihat sendiri.

Jalan Parlimen juga berubah. Kalau sebelumnya sepanjang jalan tersebut ditanam dengan pokok seperti pokok Pines tetapi bertukar dengan pokok seperti kelapa sawit. Berikutan dengan konsep yang dipelopori oleh Dr. Mahathir, ibu-ibu negeri lain juga turut berubah wajah dan dengan itu popularlah perkataan 'pokok segera' - semalam tiada dan hari ini tiba-tiba pokok yang baru ada sudah besar berdaun lebat.

Kuala Lumpur menjadi lebih hijau, pokok dan pokok

*bunga ditanam di merata tempat, taman bunga menghiasi banyak jalan utama dan memandu kereta berjam-jam lamanya di lebuh raya tidak terasa letih kerana pemandangan dan lanskap.*

*Dalam eranya juga turut memperlihatkan kelahiran Pusat Islam, Bank Islam, Universiti Islam Antarabangsa, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan peningkatan institusi-institusi lain dari segi taraf dan kedudukan. Ia dilihat sebagai suatu pendekatan yang praktikal, rasional dan berkesan untuk membawa Islam ke dalam aliran perdana negara.*

*Dr. Mahathir juga melancarkan Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam yang mencetuskan kebimbangan negara-negara Barat kononnya Malaysia menuju ke arah sebuah negara Islam. Tetapi kemudiannya negara-negara Barat menyedari bahawa dasar itu lebih ke arah mengawal ekstremisme ugama di Ma-*

*laysia. Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam adalah sesuatu yang unik. Dr. Mahathir lebih mementingkan supaya segala urusan jentera kerajaan menerapkan nilai-nilai Islam kerana Islam itu mempelopori konsep keadilan, kejujuran, kuat bekerja, amanah menentang perbuatan rasuah dan curang. Pendek kata apa juga yang digalakkan oleh Islam, itulah usaha dan yang dikehendaki oleh Dr. Mahathir untuk diterapkan dalam jentera pentadbiran negara sama ada swasta ataupun awam.*

*(Sebenarnya. Dr. Mahathir tidak pernah kering idea sejak mula dia memegang tampuk pemerintahan negara dan teraju kepimpinan UMNO, ada sahaja idea yang dikemukakan, ada sahaja sesuatu yang baru yang dicadangkan dan ada sahaja perkara baru yang hendak dilakukan. )*

*Bersamaan dengan konsep Penerapan Nilai-Nilai*

Islam, beliau sekali lagi mengemukakan konsep Bersih, Cepak dan Amanah (BCA) sehingga kenderaan termasuk kereta yang didaftarkan di Selangor, yang pada ketika itu plat pendaftarannya ialah BCA begitu laris dan menjadi rebutan ramai.

Untuk memajukan ekonomi negara, Dr. Mahathir mengemukakan Dasar Pandang Ke Timur iaitu Jepun dan Korea. Beliau mahu rakyat negara ini mencontohi kegigihan rakyat negara Jepun dan Korea memajukan negara masing-masing. Dasar begini juga tidak terlintas di fikiran penduduk tetapi teretus di minda Dr. Mahathir.

(Rasional yang dikemukakan begitu logik.) Jepun yang hancur dibom dengan bom atom oleh Amerika Syarikat di Nagasaki dan Hiroshima dalam Perang Dunia Kedua tahun 1945 telah pulih, maju dan akhirnya mampu menguasai ekonomi dunia hanya



*Dr. Mahathir petopor dasar penswastaaan dan pensyarikatan Malaysia*



dalam jangka masa yang singkat.

Rahsianya ialah kegigihan kerja penduduknya, ciri budaya yang sesuai dengan tuntutan negaranya dan Dr. Mahathir mahu rakyat Malaysia turut sama mengamalkan budaya kerja seperti Jepun dan yakin Malaysia mampu menjadi sebuah negara gergasi dunia di kemudian hari.

Hari ini kita lihat selain daripada menghantar pelajar-pelajar kita menuntut ilmu dan melanjutkan pelajaran ke negara-negara Barat seperti England, Amerika, Perancis dan Jerman ramai pelajar kita, juruteknik dan dari lain-lain lapangan ikhtisas dihantar ke Jepun untuk mencari kemahiran dan pulang semula ke Malaysia untuk membantu proses kemajuan negara dalam pelbagai bidang.

Dr. Mahathir juga mempelopori Dasar

Persyarikatan dan Penswastaan iaitu sektor swasta diberikan tanggungjawab yang lebih memajukan ekonomi negara. Ini adalah salah satu dasar selain daripada usaha-usaha cemerlang kerajaan yang berjaya meletakkan Malaysia di tahap yang ada sekarang di mana sehingga hari ini perkembangan ekonomi lebih dari 8 peratus selama lima tahun berturut-turut.

Dr. Mahathir juga mahu Malaysia mengeluarkan keretanya sendiri. Seperti mana orang Melayu skeptikal dengan kemampuan Melayu 'mengisi kemerdekaan' kerana tidak mampu membuat jarum dan bagaimana pula mentadbir negara ketika para pejuang mahukan kemerdekaan negara dan cemuhan yang dialami oleh para pemimpin apabila Tunku Abdul Rahman mahu membina Stadium Merdeka kerana dianggap membazir, Dr. Mahathir juga menghadapi masalah yang sama apabila mahu mengeluarkan

kereta sendiri.

Ada yang tidak mempercayai kemampuan Malaysia dan yang lebih membimbangkan ialah apabila ada ahli akademik di universiti-universiti tempatan melahirkan rasa sangsi kerana bimbang akan mengalami kerugian besar.

Dr. Mahathir yang sejak di kolej lagi memang pintar berpidato menjawab segala kebimbangan orang ramai dan ahli akademik. Beliau memberikan pandangan dan memperincikan segala strateginya dan akhirnya HICOM menubuhkan syarikat Proton untuk mengeluarkan kereta dengan kerjasama dan teknologi Mitsubishi, sebuah syarikat gergasi Jepun.

Dr. Mahathir menyerahkan kepada rakyat menamakan kereta nasional pertama negara dan mesti dimulakan dengan perkataan PROTON. Pertandingan

diadakan, akhirnya seorang tentera terpilih memenangi pertandingan setelah mencadangkan nama PROTON SAGA, nama yang diambil dari biji saga berwarna merah yang keras dan kuat. Pada tahun 1986 kereta nasional pertama Proton Saga dikeluarkan dan menjadi kebanggaan negara dan rakyat. Ia bersaing hebat dengan kereta-kereta sekelas dengannya dan sehingga hari ini Proton Saga terus menjadi kereta pilihan pertama, bukan hanya kerana rekaan cantik tetapi juga harganya murah dan ekonomikal.

Dunia mengagumi kemampuan negara tetapi Dr. Mahathir masih terus dengan usahanya mencetuskan idea-idea baru, 'menghentak' minda rakyat dengan semangat baru dan itu semua dilakukan untuk memajukan negara dalam konteks 'mengisi kemerdekaan dalam erti kata sebenarnya.

Sekali gus apa juga dasar yang dipelopori oleh Dr.

*Mahathir dan saranan-saranan yang meningkatkan semangat kerja rakyat dan mengubah cara berfikir penduduk bukan sesuatu yang kosong atau 'bunga-bunga ucapan' sahaja tetapi ia sebenarnya terbukti satu strategi baru negara dan kepimpinan Dr. Mahathir untuk membawa dan menjuruskan bangsa Melayu ke arah pengiktirafan bangsa-bangsa lain di dunia.*

*Ini juga bererti hasrat dan keinginannya untuk melihat bangsanya dihormati dunia tanpa perlu menjerit meminta dihormati semakin menjadi realiti. Falsafah Dr. Mahathir bahawa kita harus memajukan diri kita terlebih dahulu dan penghormatan akan datang dengan sendirinya adalah benar.*

*Bagaimanapun, perlu diingat, kejayaan yang memungkinkan pengiktirafan dan penghormatan dunia diperolehi secara 'tidak diminta' bukanlah kejayaan dalam erti kata biasa. Jepun boleh dijadikan contoh*



*Cetusan idea Dr. Mahathir tidak terfikir oleh rakyat dan pemimpin lain*



kejayaan yang bukan dalam erti kata biasa. Ia dapat menjadi gergasi ekonomi dunia dalam tempoh 50 tahun setelah hancur dihempap bom atom sehingga sekarang Amerika pula mengalami defisit perdagangan yang besar dan Jepun menikmati lebih perdagangan yang magumkan.

Hong Kong boleh dijadikan contoh kedua kejayaan. Ia sekarang menjadi salah sebuah pusat kewangan dunia yang terkemuka. Malaysia di bawah kepimpinan Dr. Mahathir mampu mencapai tahap itu dan mampu mencatat nama dalam sektor ekonomi dunia. Walaupun

Perdana Menteri sebelumnya telah menerajui negara dengan baik dan cemerlang tetapi tuntutan semasa dalam era Dr. Mahathir lebih menjurus ke arah persaingan ekonomi global.

Beliau memahami tuntutan ini dan itulah sebabnya sejak menjadi Perdana Menteri pada 16 Julai 1981, beliau tidak habis-habis menasihatkan rakyat dan pemimpin supaya bekerja keras di samping beliau sendiri tidak habis-habis mencipta idea untuk memajukan bangsa dan negara.



*Dr. Mahathir bersama Tunku Abl. Rahman (Allahyarham) Bapa Kemerdekaan Malaysia - Penlana Menteri Malaysia Pertama -*

## *Keagungan*

*D*r. Mahathir tidak hanya menggunakan segala kepintarannya membangunkan negara untuk mencapai matlamat memartabatkan bangsa bagi mendapat penghormatan masyarakat dunia, malah kepintaran berucap dan memberi buah fikiran dan mengkritik selain daripada membantu negara mundur dengan kepakaran Malaysia yang ada, adalah juga di antara usaha yang mendorong nama Malaysia dijulang di peringkat antarabangsa.

*Sebenarnya pemilihan Dr. Mahathir sebagai Presiden UMNO dan sekali gus Perdana Menteri adalah satu rahmat kepada negara ini. Beliau menjadi pelopor publisiti negara di seberang laut.*



*Dr. Mahathir Perdana Menteri Malaysia yang bukan calang-calang pemimpin*

Kalau dahulu banyak penduduk dunia tidak kira dari negara maju atau dari kumpulan negara ketiga tidak mengetahui di mana Malaysia dan ada juga yang tidak mengetahui wujudnya Malaysia atau pernah mendengar namanya. Yang lebih menyedihkan ada rakyat Malaysia terpaksa memberitahu Malaysia berada di selatan Thailand (Bangkok lebih popular) dan ke utara Singapura dan apabila nama kedua-dua nama negara ini disebut, barulah warga Barat dapat membayangkan di mana letaknya Malaysia.

Seperti juga rakyat negara kita, ada yang masih tidak tahu di mana letaknya negara-negara tertentu di Afrika dan ada juga yang tidak pernah dengar nama-nama tertentu di benua Afrika.

Bagaimanapun, pendekatan Dr. Mahathir dalam ucapan-ucapannya yang selalu mengkritik dan menegur apa sahaja yang dirasakan tidak kena dan

tidak adil di peringkat antarabangsa, khususnya di negara-negara Barat yang mengagongkan diri sebagai 'Perfect Nation' telah mengubah sindrom sepi masyarakat dunia.

Di bawah kepimpinan Dr. Mahathir, pencapaian pembangunan negara melebar, meluas dan meninggi ke tahap yang tidak pernah difikirkan sebelum ini. Hari ini kita bukan hanya memiliki bangunan pencakar langit yang tertinggi di dunia malah telah mengeluarkan kereta nasionalnya sendiri dan tidak lama lagi akan mengeluarkan kapal terbang ringan sendiri.

Ekonomi Malaysia berkembang, pendapatan perkapita penduduk meningkat, hutang luar negara berkurangan, politik negara stabil, kemajuan ekonomi antara yang memberangsangkan di rantau ini.

Apa yang Dr. Mahathir 'hentak' ke minda bangsanya

*dicuba ke negara-negara dunia ketiga. Dia berani mengetengahkan pendapat itu kerana usahanya di negara sendiri telah mencapai kejayaan. Dia mahu negara-negara miskin dan juga kurang maju, berusaha menjadi maju supaya bangsa negara yang mundur itu juga dihormati oleh bangsa maju dunia.*

*Dr. Mahathir banyak membela negara-negara miskin dan negara dunia ketiga. Malaysia membantu negara mundur dalam apa juga bidang yang kita mempunyai kepakaran. Dalam forum-forum antarabangsa Dr. Mahathir menjadi jurucakap negara membangun dan dunia ketiga menegur dan mengkritik negara Barat secara terbuka, yang sebelum ini tidak pernah dilakukan oleh para pemimpin negara lain.*

*Oleh kerana pandangan itu sifat kritikal dan nasihat bernas yang diberikan dalam perspektif kehidupan, taraf dan hubungan dengan masyarakat antarabangsa*

*dan keangkuhan Barat, Dr. Mahathir secara tidak resmi digelar "The Champion of the Third World."*

*Setakat ini belum terdapat negara kecil atau negara membangun yang berani menentang atau menegur negara maju. Hanya Iraq yang berani menentang Amerika, sebuah kuasa besar dunia. Apabila diserang akibat daripada penaklukannya ke atas Kuwait, Iraq menerima akibatnya. Tetapi dalam isu-isu tertentu Malaysia tidak menentang secara kekerasan atau dengan menggunakan senjata. Dr. Mahathir mendera kerajaan British dengan dasarnya 'Buy British Last' kerana sikap kerajaan yang pernah menjajah negara ini dahulu menaikkan yuran pengajian pelajar. Keputusan kerajaan British itu amat membebaskan Malaysia kerana pada ketika itu, Britain menjadi negara tumpuan beribu pelajar Malaysia melanjutkan pelajaran dalam pelbagai bidang.*

Bukan hanya barang-barang British menjadi pilihan terakhir bagi Malaysia membelinya, malah Malaysia mengalih pandangan ke Amerika Syarikat dan Jerman untuk menghantar pelajarinya.

Britain bukan hanya menerima kesan dari segi perdagangan malah universiti-universiti di Britain sendiri menerima padahnya apabila pelajar Malaysia mula dihantar ke Amerika dan Jerman kerana sebahagian besar mereka bergantung kepada kewangan yang datang daripada pelajar seberang laut.

Di sini letak keberanian Dr. Mahathir. Walaupun Malaysia sebuah negara kecil tetapi tindak-tanduknya berani - bangsa yang pernah dijajah mengajar bangsa yang pernah menjajah. Bukan itu sahaja, Dr. Mahathir juga pernah mengecam Perdana Menteri Australia ketika itu, Paul Keating kerana menganggap Dr. Mahathir sebagai keras kepala apabila beliau enggan

menghadiri sidang kemuncak APEC di Seattle, Amerika Syarikat.

Akibat daripada itu hubungan Malaysia-Australia tidak begitu baik sehinggalah Paul Keating melawat Malaysia. Bagaimanapun, krisis itu bukan kali pertama. Sebelum itu Dr. Mahathir juga pernah menyebut tentang asal-usul orang Australia dalam krisis yang melanda kedua-dua negara.

Pendek kata Dr. Mahathir bukan calang-calang pemimpin Malaysia. Dia mempunyai pengetahuan yang luas dalam apa juga bidang termasuk politik antarabangsa. Yang terbaru Dr. Mahathir mendera Britain ialah apabila dia tidak memberi keutamaan kepada syarikat Britain untuk mendapatkan projek-projek pembangunan di Malaysia yang bernilai beribu-ribu juta ringgit. Krisis ini mencetuskan banyak kerugian bagi pihak swasta British.



*Ia berpunca daripada laporan akhbar The Sunday Times yang menuduh Dr. Mahathir menerima rasuah dan skandal penjualan senjata. Apabila Malaysia membuat keputusan itu, sekali lagi pelbagai rombongan daripada pihak swasta termasuk menteri kabinet British datang ke Malaysia.*

*Di London sendiri telah berlaku seperti satu polemik. Hanya sebahagian kecil sehaja yang bersetuju dengan dakwaan akhbar The Sunday Times tetapi sebahagian besar masyarakatnya tidak bersetuju.*

*Tetapi Dr. Mahathir bukan pemimpin yang keras tidak menentu. Apabila kena caranya, dia akan berlembut juga. Walaupun pengarang akhbar berkenaan, Andrew Neil enggan meminta maaf, dia akhirnya ditukarkan ke Amerika Syarikat dan Malaysia membatalkan tindakan boikotnya. Hubungan perdagangan kedua-dua negara kembali seperti biasa.*



*Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr. Mahathir banyak membantu negara-negara ke-3 yang miskin*

Di peringkat antarabangsa juga, khususnya di perhimpunan badan dunia seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Dr. Mahathir pernah melahirkan rasa dukacita terhadap tindak-tanduk yang tidak adil oleh negara-negara barat dalam beberapa isu tertentu.

Dia mengkritik secara terus-terang dalam isu ketidakadilan dunia khususnya negara Barat yang membiarkan Bosnia hancur diserang penganas Serbs. Dia mempersoalkan di manakah keadilan apabila sekatan senjata dikenakan ke atas Bosnia tetapi membiarkan penganas Serbia menyerang dan melakukan pelbagai keganasan ke atas negara dan rakyat khususnya wanita dan kanak-kanak Bosnia.

Dr. Mahathir juga pernah menyentuh satu perkara yang tidak pernah disentuh oleh para pemimpin dunia yang lain pada bila-bila masa semasa berucap di PBB. Dr. Mahathir pernah mencadangkan supaya dikaji

semula komposisi Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu dan mengkaji semula soal kuasa veto yang dinikmati oleh negara kuasa besar seperti Amerika Syarikat, China, Perancis, Britain dan Russia.

Dr. Mahathir mempunyai alasan yang kuat dari segi keadilan. Kuasa veto dipegang oleh negara kuasa besar dan kuasa tersebut akan digunakan apabila tercetus sebarang perbincangan yang melibatkan kepentingan negara berkenaan. Ini adalah tidak adil.

Bagaimanapun dalam aspek Bosnia dan keganasan yang dilakukan oleh penganas Serbs, Dr. Mahathir telah memainkan peranan utama sama ada di dalam atau di forum-forum antarabangsa mengemukakan ketidakadilan kuasa besar Barat. Peranan ini menjadikan Malaysia jaguh memperjuangkan hak rakyat Bosnia.



*Siapakah Perdana Menteri yang pernah menitiskan air mata mengenangkan penderitaan rakyat Bosnia? Mungkin ada yang merasa sedih tetapi kesedihan itu hanya di mata tetapi tidak meresapi ke hati. Oleh kerana itu tidak hairanlah kalau Dr. Mahathir begitu sekali gigih memperjuangkan hak rakyat Bosnia sehingga kerajaan Bosnia sendiri menghargai dan mengiktirafnya dengan penganugerahan tertinggi negara 'The Dragon of Bosnia' semasa melawat negara Balkan - Bosnia, Croatia, Macedonia - selama 3 hari April 1996.*

*Dari segi Islam pula, nama Dr. Mahathir sememangnya tidak asing malah diketahui terjujlah tinggi bukan sahaja di kalangan negara-negara Islam tetapi individu-individu dan pertubuhan-pertubuhan yang memperjuangkan Islam di Barat.*

*Dia dikenali sebagai seorang tokoh yang lantang*

*menyuarakan ketidakadilan persepsi Barat terhadap Islam. Dr. Mahathir tidak mempertikaikan butir-butir dalam syaria Islam tetapi unsur-unsur yang tersurat dan yang tersirat untuk menghancurkan Islam.*

*Dengan tidak secara langsung, boleh difahami ucapan-ucapan Dr. Mahathir seolah-olah boleh menghantar isyarat kepada Barat bahawa apa juga tindak-tanduk dan strategi mereka untuk melemah dan menghancurkan Islam adalah difahami. Secara tidak langsung juga Dr. Mahathir memaklumkan kepada negara-negara Islam sendiri tentang tipu helah Barat dan negara Islam harus bersedia dan tidak hanya bercakaran sesama sendiri.*

*Walaupun banyak contoh usaha Barat melemahkan Islam, lebih memburukkan lagi media massa Barat pula seolah-olah mempunyai 'Grand Design' melemahkan Islam. Dalam setiap laporan Islam digambarkan*

sebagai agama yang menggalakkan keganasan, miskin dan penderitaan.

Dr. Mahathir banyak menyuarakan pandangan tentang ketidakadilan ini dan sebagai contoh terbaru ialah syarahan khas bertajuk "Islam : Agama Yang Disalah-fahami," kepada kumpulan cendekiawan Islam dan Barat di Oxford, England pada 16 April 1996. Beliau singgah di England atas jemputan Pusat Pengajian Islam Oxford, sebuah institusi akademik yang bersekutu dengan Universiti Oxford semasa dalam perjalanan untuk melawat Bosnia - Herzegovina.

Walaupun syarahannya panjang tetapi dicatatkan secara ringkas dari sudut pembacaan. Dr. Mahathir antara lain berkata Barat kini sedang berusaha menghakiskan kedudukan agama Islam sebagaimana mereka berjaya menjatuhkan komunisme dan jika ada keprihatinan ditunjukkan oleh Barat terhadap Islam

khususnya media massa, ia sebenarnya tidak ikhlas dan bersifat akademik.

Dr. Mahathir menegaskan silap faham Barat terhadap Islam sedang berada di kemuncaknya dan prejudis terhadap agama itu merupakan penghalang kepada hubungan baik antara penganut Islam dan bukan Islam. Orang Barat bukan lagi penganut Kristian fanatik, namun pandangan negatif mereka ke atas Islam dan orang Islam masih kekal.

Dr. Mahathir menggambarkan penentangan Barat terhadap Islam sebagai fanatikal. Beginilah cara Dr. Mahathir menyampaikan mesejnya kepada dunia bukan hanya di Oxford sebagai terbaru tetapi juga di ceramah-ceramah dan forum-forum antarabangsa yang lain dan ia boleh dibaca sebagai isyarat rasa tidak senang dengan sikap tidak adil negara-negara Barat terhadap Islam.

Setelah hampir 15 tahun Malaysia berada di bawah kepimpinannya, nama Malaysia telah terserlah di peringkat antarabangsa, bukan hanya dari sudut keberaniannya menegur dan mengkritik negara Barat kerana dasar ketidakadilan malah kemampuan Malaysia mengekalkan pertumbuhan ekonomi melebihi 8 peratus setahun selama 9 tahun berturut-turut. Ini bererti kehebatan ekonomi negara dengan pendapatan perkapita yang meningkat adalah antara yang terbaik di dunia.

Semasa di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di New York pada 28 September lalu, Dr. Mahathir juga memberikan teguran jujur dengan harapan badan dunia itu kembali ke pangkal jalan dan asas penubuhannya. Beliau secara tegas menyatakan PBB tidak demokratik. Sebenarnya demokrasi menjadi sebab badan dunia itu ditubuhkan dan demokrasi juga menjadi kebanggaan dan amalan sebahagian besar



*Dr. Mahathir tidak akan senang dengan tindak-tanduk Barat yang bersikap tidak adil terhadap Islam.*

*negara di dunia sehingga sosialisme dan komunisme menjadi semakin lumpuh.*

*Walaupun kata-katanya mungkin tidak disenangi oleh badan dunia itu tetapi hakikatnya adalah nyata, Dr. Mahathir sebagai seorang ketua sebuah kerajaan dan negara yang berdaulat, tidak boleh melahirkan kata-kata sesedap rasa kecuali mempunyai alasan, sebab dan contoh.*

*Beliau berkata sekiranya keanggotaan Majlis Keselamatan boleh dijadikan contoh, badan dunia itu sebenarnya tidak mempraktikkan apa yang selama ini dilaung-laungkan kepada ahli-ahlinya sendiri iaitu demokrasi ialah prinsip yang harus dihormati. Demokrasi harus bermula di PBB sendiri, kata Pedana Menteri dan berpendapat keanggotaan dan tindakan majlis berkenaan dalam banyak hal sama sekali bertentangan dengan prinsip demokrasi.*

*Dalam sidang akhbar yang dihadiri oleh para wartawan tetap di badan dunia itu, serta beberapa agensi asing, Dr. Mahathir telah ditanya mengenai pelbagai isu yang dibangkitkan dalam ucapannya di Perhimpunan Agung yang ke-51 itu. Kata Dr. Mahathir; PBB tidak seharusnya terikat pada apa yang berlaku 50 tahun yang lalu.*

*Negara-negara yang menjadi anggota tetap Majlis Keselamatan hari ini ialah negara-negara yang menang dalam Perang Dunia Kedua. Keadaan sudah berubah dan pelbagai perkembangan sudah mengambil alih senario yang dahulu. Ada di antara negara-negara ini yang bukan lagi kuat atau boleh dianggap kuasa besar. Mengapakah kita harus membenarkan lima buah negara memveto 184 buah negara lain dalam badan dunia itu? tanya beliau. Oleh kerana itu PBB harus menjalani reformasi besar-besaran.*

*Sewaktu berucap di badan dunia itu, Dr. Mahathir menggesa masyarakat antarabangsa bekerjasama bagi memastikan perubahan besar-besaran berlaku ke atas PBB bagi mengelakkan salah guna kuasa oleh negara-negara kuasa besar.*

*Beliau juga mempersoalkan kejujuran negara-negara berkenaan yang lebih berminat memeralatkan PBB untuk kepentingan mereka sendiri. Senada dengan ucapannya, Dr. Mahathir dalam sidang akhbar itu juga mencadangkan agar terdapat perwakilan yang lebih besar dan adil dalam Majlis Keselamatan. Beliau juga menganggap kaedah yang membolehkan mana-mana satu negara yang menjadi anggota tetap majlis itu menggunakan kuasa veto sebagai tidak boleh diterima. Keadaan di mana sebuah negara dengan kuasa vetonya boleh mengecewakan 184 buah negara lain, sama sekali harus ditolak. Penyelesaian ialah kuasa veto boleh diberikan pada, misalnya dua dari lima anggota*

*majlis atau dua dari anggota majlis dan satu lagi dari yang bukan anggota majlis.*

*Beliau juga mahu peranan Perhimpunan Agong PBB diperluaskan. Beliau kecewa bahawa keputusan-keputusan penting yang melibatkan PBB dan anggotanya telah dikeluarkan dari badan dunia itu. Ada sesetengah kelompok dan negara yang menganggap mereka mempunyai hak untuk menguruskan ekonomi dunia. Tindakan negara-negara G-7 terhadap sesuatu keputusan akan membawa kesan yang besar ke atas ekonomi dunia. Sedangkan keputusan-keputusan itu sama sekali tidak dirujuk pada negara-negara yang terlibat.*

*Hal seperti ini harus diputuskan di PBB, kata Dr. Mahathir. Di PBB kita harus bekerja ke arah konsensus tetapi sekiranya itu sukar dilakukan dalam semua keadaan, kita harus menerima keputusan majoriti.*



*Ditanya sama ada Malaysia mempunyai sebarang calon untuk menduduki kerusi Setiausaha Agong PBB, Dr. Mahathir berkata, "Ada beberapa calon."*

*Itulah Dr. Mahathir ketika berucap di forum-forum antarabangsa dan semasa di PBB, tiada kelainannya. Beliau menyatakan sesuatu yang rasa, tidak bimbang dengan kritikan negara lain atau pemimpin dunia asalkan apa yang dinyatakan sesuatu yang betul dan*

*benar. Kalau direnung dan diamati sikapnya memang menepati kata-kata orang; "Tiada ubat yang manis, kalau adapun hanya untuk anak-anak sahaja." Ini bermakna teguran Dr. Mahathir amat pahit bagi pemimpin yang berada dalam kelongsong teguran itu dan pasti akan terasa pedas sekiranya mereka termakan cili menerusi tindak-tanduk yang mementingkan diri dan membelakangkan nilai dan asas penubuhan PBB.*



*Beginilah salam hormatnya seorang Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim terhadap Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir*

## *Kejanguan*

*D*alam arena negara sendiri pula, era Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri dan Presiden UMNO sepanjang 15 tahun mempunyai pelbagai ranjau, liku, kegembiraan dan kejayaan yang melebihi pemimpin-pemimpin sebelumnya. Dari segi pentadbiran negara, beliau berjaya membawa Malaysia ke mercu kejayaan dan mampu bersaing dan menandingi negara-negara maju. Pelbagai perkara diusaha dan dicipta. Ekonomi negara meningkat dan menjadi kekaguman negara-negara maju, mengeluarkan kereta nasional dan hari ini (3 Oktober 1996) motosikal nasional 'Kris' pula dihasilkan oleh Modenas.

*Kita mempunyai pelbagai bangunan indah*



*Wawasan 2020 Dr. Mahathir menjadi kebanggaan rakyat dan negara*



dan tinggi hingga yang tertinggi di dunia. Sektor perumahan berkembang dengan pesat dan perkembangan sektor perindustrian begitu mengagumkan. Ringkasnya, kemajuan yang dinikmati oleh rakyat dan negara yang dibawa oleh Dr. Mahathir boleh dianggap sebagai mendahului zamannya. Itulah Dr. Mahathir, seorang insan kerdil, pemimpin sebuah negara kecil yang berjaya mengagumkan dunia dengan stail pentadbirannya memajukan negara dan bangsa selain daripada mampu pula menyentak dunia dengan buah fikirannya ketika berucap di forum-forum antarabangsa.

Di arena politik dalam negara pula, pengalaman yang dilalui oleh Dr. Mahathir melebihi daripada para pemimpin lain. Walaupun tidak boleh dikata pengalamannya lebih hebat daripada pemimpin yang terdahulu darinya tetapi jerih dan ranjau yang dilalui sama penting dengan Presiden UMNO sebelumnya.

Kalau Presiden UMNO pertama, Tunku Abdul Rahman yang membawa kemerdekaan kepada negara dan bangsa, menubuhkan parti perikatan iaitu gabungan UMNO mewakili kaum Melayu, MCA mewakili kaum Cina dan MIC mewakili kaum India dan tercetus peristiwa berdarah 13 Mei 1969, Perdana Menteri kedua Tun Abdul Razak yang mempelopori asas ekonomi orang Melayu dengan membuka hutan belantara untuk menanam kelapa sawit dan menubuhkan pelbagai agensi seperti Felda selain daripada menubuhkan Barisan Nasional dan Tun Hussein Onn yang mempelopori perpaduan bangsa, Dr. Mahathir juga melalui pahit maung politik.

Kalau dalam tahun 1987 melihat Menteri Kewangan Tengku Razaleigh Hamzah mencabar kepimpinan Dr. Mahathir sebagai Presiden UMNO dan tewas, Mahkamah Tinggi mengisytiharkan UMNO sebagai pertubuhan haram dan kemudian UMNO Baru

ditubuhkan, Tengku Razaleigh Hamzah bersama beberapa orang pemimpin kanan UMNO meninggalkan UMNO untuk menubuhkan Parti Semangat Melayu 46 (S46) tetapi pada 3 Oktober 1996, Dr. Mahathir mempunyai sebab untuk bersyukur dan berbangga selain daripada sebab pencapaian negara dalam pelbagai bidang ekonomi dan pembangunan.

Ini adalah kerana hampir 10 tahun selepas peristiwa yang menyedihkan hati berjuta orang Melayu dan ahli UMNO apabila UMNO diharamkan dan S46 ditubuhkan sebagai sebuah lagi parti serpihan dari UMNO selain daripada PAS, S46 bersama UMNO menganjurkan Perhimpunan Penyatuan Melayu di Kota Bharu, Kelantan dan pada tiga hari kemudian, pada 6 Oktober 1996, S46 secara rasminya dibubarkan dan semua ahli kembali ke pangkuan UMNO.

Inilah antara peristiwa yang paling bersejarah.

Lebih 100,000 rakyat dari setiap pelosok negeri Cik Siti Wan Kembang datang ke Perhimpunan Penyatuan Melayu, di Sekolah Kebangsaan Padang Garong, Kelantan untuk menyaksikan detik bersejarah dalam arena politik tanah air hari ini. Orang ramai yang berkumpul sejak dari pukul satu tengah hari tidak menghiraukan bahang panas matahari untuk menyaksikan satu perhimpunan yang dianggap penting untuk memperkuat dan mempertingkatkan maruah bangsa Melayu.

Sambutan luar biasa sehingga tiada sedikit ruang kosong di kawasan perhimpunan itu menunjukkan seolah-olah rakyat telah bosan dengan pelbagai kemelut politik yang melanda negeri di bawah pemerintahan PAS selama ini. Ketibaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad serta Presiden Parti Melayu Semangat 46 (S46), Tengku Razaleigh Hamzah pada pukul 4.30 petang seolah-olah

memberi sinar baru kepada rakyat apabila mereka memberi sorakan gamat kepada kedua-dua pemimpin itu sehingga menaiki pentas utama.

Kegembiraan rakyat jelas terpancar pada wajah setiap yang hadir apabila Dr. Mahathir bersalam dengan Tengku Razaleigh menandakan penyatuan UMNO dengan S46 setelah hampir 10 tahun berpisah. Detik inilah yang dinanti-nantikan oleh hampir semua lapisan masyarakat yang hadir pada majlis itu kerana beranggapan hanya melalui penyatuan boleh memperkuat dan mengembalikan maruah umat Melayu di negara.

Amanat daripada kedua-dua pemimpin itu diamati dengan tekun kerana menyedari zaman kegemilangan Melayu kian hampir apabila mereka akan bersatu secara sah dalam masa tiga hari lagi. Pengumuman Tengku Razaleigh yang menyatakan bahawa parti S46

akan dibubarkan dan semua ahlinya akan menyertai UMNO pada 6 Oktober ini jelas membayangkan kesungguhan anggota parti itu benar-benar berusaha untuk mengembalikan zaman kegemilangan Melayu. Ternyata perpisahan yang terjadi selama ini antara UMNO dengan S46 tidak menguntungkan mana-mana pihak malah telah melemah dan mewujudkan masyarakat Melayu yang berpuak-puak.

UMNO dan Parti Melayu Semangat 46 (S46) yang bermusuhan hampir 10 tahun, bersatu kembali dalam satu perhimpunan bersejarah. Buat pertama kalinya, Presiden UMNO Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Presiden S46 Tengku Razaleigh Hamzah duduk bersebelahan di khalayak umum dalam Perhimpunan Penyatuan Melayu itu, yang turut disaksikan oleh seluruh negara melalui siaran langsung TV1.

Kedua-dua pemimpin turut berucap dan saling

menegaskan bahawa kisah-kisah lama yang menyebabkan perpecahan UMNO dan kelahiran S46 tidak akan diungkit-ungkit lagi. UMNO tidak sekali-kali memendam dan tidak akan berpaling ke belakang untuk mengungkit-ungkit perkara yang telah berlaku (yang membawa kepada perpecahan UMNO dan penubuhan S46). "Kita boleh rujuk semula kerana Islam menegah kita daripada terus mengungkit kesalahan masa lampau yang tercetus kerana perbezaan pendapat dan mahu umatnya bermaaf-maafan," tegas Dr. Mahathir.

Tengku Razaleigh pula berkata, beliau dan para pengikutnya dengan rendah diri menerima kepimpinan Dr. Mahathir yang dianggapnya sebagai pemimpin Melayu unggul kerana sudi menghulurkan tangan perdamaian. "Hari ini, Tuhan telah mentakdirkan kita bersatu kembali. Sebab itulah kita tidak perlu bertanya kenapa setelah bertahun-tahun kita berbalah hari ini



*Datin Seri Dr. Siti Hasmah merupakan isteri Perdana Menteri yang sentiasa mendampingi dalam apa jua keadaan dan situasi.*

kita baru bersatu. "Sebaliknya, kita patut berkata, lebih baik bersatu hari ini daripada menunggu hari esok. . . esok mungkin kemusnahan akibat perpecahan semakin buruk dan tidak boleh dibaiki lagi," katanya.

Selepas mengakhiri ucapannya dan mempersilakan Dr. Mahathir untuk tampil berucap, Tengku Razaleigh terus menghulurkan tangan kepada Perdana Menteri yang pernah ditentangnya dalam pemilihan jawatan Presiden UMNO pada 1987. Dr. Mahathir dalam ucapannya juga menggesa PAS dan para pemimpinnya turut menyertai UMNO bagi memperkukuhkan lagi perpaduan orang Melayu.

"UMNO adalah sebuah parti yang meletakkan kepentingan Islam dan Melayu sebagai perjuangan utama dan melaluinya orang Melayu perlu mencantumkan diri mereka sendiri," katanya. Dr. Mahathir berkata, sudah sampai masanya PAS

meninggalkan sikap mengasingkan diri mereka daripada orang-orang Melayu dalam UMNO hanya kerana terikut-ikut dengan pendirian pemimpin-pemimpin PAS terdahulu. Tegasnya, tidak ada salahnya jika ulama-ulama atau tok-tok guru dalam PAS hari ini bergabung membentuk perpaduan Melayu yang lebih besar dalam UMNO kerana ia lebih membahagiakan masyarakat Melayu secara keseluruhan. "Kalau saya dan Ku Li boleh berkelahi hebat dulu, tetapi keadaan telah berubah dan kini boleh berbaik semula."

"Kita (UMNO) sendiri tidak tolak (PAS) kalau nak bersatu dengan kita. Tiada salahnya kita bekerjasama. Yang penting ialah keikhlasan serta perpaduan. "Walaupun berpecah kita boleh rujuk semula dan kita tidak simpan dalam hati," ujarnya. Dr. Mahathir mengimbas kembali bagaimana beliau diterima semula menyertai UMNO setelah disingkirkan daripada parti



itu pada suatu ketika dulu. Beliau mengingatkan PAS, jika parti itu masih tebal dengan keegoannya, tidak dinafikan ia menolak perpaduan yang membawa kebaikan dan tidak selari dengan pandangan masyarakat dunia yang mengiktiraf Malaysia sebagai contoh negara Islam di bawah kepimpinan Melayu.

Pada 6 Oktober 1996, Dr. Mahathir menjadi orang yang paling gembira kerana kembalinya Tengku Razaleigh Hamzah dan beberapa orang pemimpin bersama lebih 200,000 ahli Parti Semangat Melayu 46 (S46) ke pangkuan UMNO dan secara rasminya parti itu dibubarkan. Dengan kemasukan ahli S46 dan pembubaran parti itu seluruh ahli UMNO turut berasa gembira.

Tetapi dalam Perhimpunan Agong UMNO pada 10 Oktober 1996, Dr. Mahathir menjadi orang yang paling sedih sehingga menitikkan air mata ketika membuat

ucapan dasar:

Inilah kali pertama sejak menjadi Presiden UMNO beliau menitikkan air mata di Perhimpunan Agong parti. Sebahagian besar perwakilan lelaki dan wanita turut sama menitikkan air mata bersamanya dan seluruh bangsa Melayu turut berasa sedih.

Beliau tidak dapat menahan perasaan sedih di akhir-akhir ucapan dasarnya apabila beliau menasihatkan perwakilan: "Sayanglah parti, sayanglah bangsa, sayanglah agama dan sayanglah negara. Saya berdoa semua yang akan mengundi pada hari ini mengundi dengan hati yang bersih dengan mengingati Allah s.w.t. In-sya-Allah dengan berbuat demikian akan terpeliharalah kita, akan terselamatlah perjuangan kita untuk bangsa, agama dan negara, untuk menegakkan tamadun Melayu dan Islam abad ke 21. Dan akan tertebuslah maruah bangsa."

Ungkapan kata-kata ini diucapkannya dengan penuh rasa tanggungjawab kerana kempen-kempen menjelang pemilihan dalam perhimpunan memperlihatkan penggunaan wang yang begitu berleluasa.

Majlis Tertinggi UMNO terpaksa membuat beberapa peraturan baru untuk membendung politik wang dengan mengharamkan sebarang bentuk kempen. Majlis Tertinggi juga mengambil tindakan ke atas 6 orang pemimpin parti dengan tidak membenarkan mereka bertanding dan menghadirkan diri di Perhimpunan Agung kerana kesalahan berkempen dan politik wang yang mereka lakukan.

Semua tindakan ini diambil untuk kebaikan UMNO dan untuk mengelakkan perpecahan. Memang benar pendapat yang mengatakan politik wang bukan fenomena baru dalam UMNO tetapi dahulu ia tidak


begitu ketara tetapi sekarang bukan calon yang menawarkan wang tetapi perwakilan pula yang meminta dan menentukan jumlah wang yang dikehendaki sebelum memberikan undinya kepada calon yang bertanding.

Ada yang menganggap 'pelaburan RM1 juta' untuk mendapat undi sokongan daripada perwakilan merupakan satu jumlah yang kecil dan bayangkan jika trend ini dibiarkan berterusan. Ia bererti bahawa tokoh yang kaya sahaja yang mampu bertanding dan memimpin parti dan pemimpin lain yang berkebolehan, ikhlas dan jujur tetapi miskin akan terpinggir.

Keseluruhan ucapan Dr. Mahathir di Perhimpunan Agung 10 Oktober berkisar kepada politik wang sehingga sebelum tiba ke saat beliau menitikkan air mata, Dr. Mahathir secara berterus terang memberitahu perwakilan: "Di kalangan calon yang

*bertanding ada yang akan menjadi pilihan kita yang kena pada tempatnya. Tetapi ada yang hanya akan merosakkan masa depan kita. Jika mereka ini yang dipilih maka sudah tentu kita tidak akan dapat membangunkan budaya yang cemerlang dari membentuk tamadun Melayu dan Islam yang kita harapkan.*

*“Sebagai orang Melayu, sebagai bumiputera, sebagai pencinta bangsa, agama dan negara, saya menyeru para perwakilan supaya menolak semua calon yang telah menghulurkan rasuah dalam apa juga bentuk, termasuk mereka yang berkempen setelah ia dilarang. Tolak dan tumbangkan mereka sebelum mereka menumbangkan parti kita yang tercinta ini, sebelum mereka menggagalkan gerakan reformasi kita yang bermatlamat mewujudkan tamadun Melayu/ Bumiputera baru.”*



*Dr. Mahathir telah membesarkan ekonomi negara*



*“Tolak mereka semua. Jangan kira kawan atau rakan. Kesetiaan kepada kawan yang tidak bernalar akan menghancurkan perjuangan bangsa dan negara. Sampai kepada mereka mesej yang jelas - UMNO tidak mempunyai tempat bagi pemimpin yang rasuah.*

*“Singkirkan mereka kerana bangsa, agama dan negara kerana masa depan kita. Tidak akan rugi, tidak akan lemah parti kita jika mereka yang korup tidak ada di kalangan pemimpin parti kita bahkan di dalam parti kita. Sebaliknya kita akan menjadi lebih kuat dan kita akan dapat menguruskan parti kita, perjuangan kita dengan baik dan dengan jayanya, Insha-Allah.”*

*Itulah ketegasan Dr. Mahathir yang menzahirkan rasa benci kepada permainan politik wang yang boleh menghancurkan UMNO, payung bagi seluruh umat Melayu. Bukannya mudah bagi seorang pemimpin*

*negara dan antara yang terulung di dunia untuk menitiskan air mata sekiranya dirinya tidak benar-benar komited dengan parti dan perjuangan bangsa.*

*Semua pemimpin parti komponen Barisan Nasional menerima keikhlasan perjuangan Dr. Mahathir dan pemimpin Kemboja, Putera Norodom Ranaridh juga memuji kepimpinan Dr. Mahathir memajukan parti dan negara. Beliau sendiri ingin mempelajari dari pengalaman Malaysia.*

*Oleh kerana itu, setelah merenung apa yang Dr. Mahathir lakukan kepada UMNO, sebuah parti politik yang tertua di dunia yang memerintah sebuah negara secara berterusan dan setelah meneliti apa pula yang dilakukan di peringkat antarabangsa, rasanya adalah keterlaluan jika masih ada yang mahu menafikan Malaysia telah melahirkan seorang negarawan.*

*Dia adalah yang terulung di negara ini dan antara yang terkemuka dan setanding dengan negarawan-negarawan dunia yang lain. Dr. Mahathir, seorang anak kelahiran Kedah sejak dari muda lagi dia telah menampilkan diri sebagai yang berjiwa besar dan apabila muncul sebagai pemimpin, dia memimpin negara sekecil ini untuk mempunyai jiwa dan tanggungjawab dan peranan yang besar.*

*Dalam tempoh 15 tahun menjadi Presiden UMNO dan Perdana Menteri sejak mengambil alih kepimpinan parti dan kerajaan daripada Tun Hussein Onn dalam tahun 1981, Dr. Mahathir bukan hanya membesarkan jiwa rakyat supaya tidak lagi merasa rendah diri apabila berdepan dengan bangsa lain yang maju, malah beliau juga membesarkan peranan dan tanggungjawab rakyat untuk memajukan negara setanding dengan negara-negara maju yang lain.*

*Dr. Mahathir sendiri telah membesarkan nama negara di arena antarabangsa dengan memperjuangkan keadilan secara global dan memainkan peranannya menyuarakan pelbagai isu dunia bagi pihak negara-negara dunia ketiga.*

*Ini dilakukan kerana wawasannya adalah jelas setelah membesarkan ekonomi negara sehingga diiktiraf dunia, Dr. Mahathir mahu membesarkan pula nama, imej dan maruah bangsanya di kaca mata dunia supaya diterima berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan bangsa-bangsa maju dunia yang lain.*

*Semua matlamat ini telah tercapai dan Dr. Mahathir adalah anak Melayu dan anak Malaysia pertama yang boleh dikalungkan sebagai seorang negarawan bertaraf antarabangsa.*



*Berkuda adalah satu-satunya hobi Dr. Mahathir ketika ada masa lapang*

## *Anugerah*

*K*alau hendak dikira dari segi pengiktirafan, Dr. Mahathir adalah satu-satunya pemimpin negara yang menerima pengiktirafan bertaraf global dari banyak negara dunia. Bukan hanya pengiktirafan berbentuk anugerah yang diterima tetapi juga contoh kepimpinan dalam semua segi.

Dahulunya Malaysia tidak begitu dikenali tetapi hanya dengan ketokohan Dr. Mahathir yang popularitinya bersifat global kerana kepetahan berpidato di forum antarabangsa, kelantangan mengkritik ketidakadilan politik, ekonomi dan pelbagai aspek negara maju, kebernasan buah fikiran ketika berucap di badan-badan dunia dan sikapnya yang



*Dr. Mahathir dikenali sebagai pejuang dunia Islam*

*berterusan berlandas kepada kebenaran, Malaysia kini dikenali dunia.*

*Warga Malaysia tidak lagi terpaksa memberi gambaran di mana letaknya Malaysia kepada warga dunia. Dahulu mereka agak kabur, walaupun pernah mendengar nama Malaysia, tetapi tidak tahu di mana letak negara-negara tertentu di Afrika. Kini mereka telah arif di mana letaknya Malaysia.*

*Kita tidak lagi perlu jelaskan Malaysia terletak 'di selatan Bangkok dan ke utara Singapura' kerana nama Dr. Mahathir begitu sinonim dengan Malaysia dan terasa seolah-olah nama Malaysia dikenali kerana populariti Dr. Mahathir.*

*Sebenarnya Dr. Mahathir telah banyak menerima pengiktirafan dunia sama ada di negara barat atau di*

*badan-badan dunia. Tetapi sejak tercetusnya perang Balkan di Bosnia, nama Dr. Mahathir melonjak dalam dimensi baru.*

*Beliau dikenali sebagai pejuang dunia Islam kerana kesungguhannya memberikan sokongan kepada perjuangan rakyat Islam Bosnia. Kesungguhan Malaysia membantu Bosnia dan keikhlasan rakyat Malaysia dari semua bangsa dan agama membantu dan meringankan penderitaan rakyat Islam Bosnia menerusi derma yang disalurkan.*

*Malaysia juga di antara negara dunia yang menerima banyak rakyat Islam Bosnia untuk menetap sementara selain daripada menerima pelajar-pelajar negara itu untuk melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi negara.*

*(Apabila perang Balkan merakhir, Dr. Mahathir di*



anugerahkan 'The Dragon of Bosnia', satu darjah tertinggi negara itu. Pada 22 Mac 1997 pula, Arab Saudi mendahului negara-negara Islam yang lain memberikan anugerah tertinggi negara itu, 'Anugerah Antarabangsa King Faisal' Kerana Perkhidmatan Kepada Islam. (Beliau adalah pemimpin kedua dari Malaysia selepas Almarhum Tunku Abdul Rahman yang pernah menerima anugerah yang sama) dalam tahun 1983, ketika itu berkongsi dengan seorang pemimpin dari Mesir, Sheikh Hasanein Makhloof.

(Dr. Mahathir adalah tokoh dunia yang ke 19 menerima Anugerah Antarabangsa King Faisal Kerana Khidmat Kepada Islam.) Anugerah itu mula diwujudkan tahun 1979.)

Pada peringkat ini, tiada siapa lagi yang dapat menyangkal Dr. Mahathir dan kepimpinannya benar-benar dikagumi dunia. Barat, yang diketahui hanya

mengagungkan pencapaian materialisme, menghormatinya kerana kemampuan dan kebolehan merintis pencapaian ekonomi negara yang memberangsangkan. Namun ada juga media Barat yang sukar menerima kehebatan bangsa lain yang berkulit tidak sewarna dengannya.

Oleh kerana itu media Barat sanggup menganggap pencapaian ekonomi Malaysia hanya sebagai 'kebetulan' tetapi telah disanggah oleh pemimpin negara. Kemajuan kita dicapai kerana usaha kita sendiri dan bukan kerana kebetulan.

(Selain daripada Bosnia sendiri, India juga telah menganugerahkan 'Anugerah Jawaharlal Nehru Bagi Kefahaman Antarabangsa' pada tahun 1996.)

(Pengiktirafan Dunia Islam yang dipelopori oleh Arab Saudi tidak terhenti di situ sahaja. Dr. Mahathir

juga menerima anugerah tertinggi Kuwait, 'Mubarak Al- Kabir' kerana kejayaannya sebagai pemimpin sebuah negara Islam dan kemudian menerima pula anugerah kedua tertinggi Bahrin, 'Ahmad Al-Fatah' kerana menghargai usaha memperkukuh hubungan persaudaraan Islam. Semua anugerah itu diterima semasa melakukan lawatan rasmi dalam bulan April 1997.

Bagi Dr. Mahathir sendiri, walaupun dunia dan pelbagai bangsa dunia mengiktiraf perjuangannya dan sumbangannya, beliau masih merendah diri dan menganggap anugerah yang diterima adalah satu penghormatan kepada negara dan seluruh rakyat Malaysia. Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang meminjam ungkapan Shakespeare semasa berucap di Majlis Penghormatan Meraikan Perdana Menteri kerana menerima Anugerah Raja

Faisal baru-baru ini "There is none here but honours you."

Walaupun dunia Islam mengiktiraf sumbangannya, tetapi Dr. Mahathir terus memberikan buah fikiran bernas untuk direnungi dan contoh terbaik ialah semasa berucap di majlis penganugerahan Anugerah Antarabangsa King Faisal.

Dalam ucapannya, Dr. Mahathir antaranya menyeru Dunia Islam supaya memperkuat persaudaraan Islam bagi mempertahankan diri dan agama dari golongan yang mahu menghancurkannya.

Beliau berpendapat keadaan politik yang stabil, kerajaan yang kuat, pengetahuan dalam sains dan teknologi selain daripada kekayaan material merupakan sebahagian daripada proses memperkuat umat Islam dan agama suci.



*Baginya, penolakan persaudaraan Islam, sengketa sesama sendiri, membunuh orang Islam atas nama Islam dan Allah tetapi sebenarnya bermotifkan politik bukan sesuatu yang Islamik. Sebaliknya, jika umat Islam membantah penindasan ke atas penduduk Islam minoriti di negara bukan Islam, umat Islam juga tidak harus menindas bukan Islam yang minoriti di kalangan mereka.*

*Kalau rakyat benar-benar memahami sikap Dr. Mahathir, mereka akan mengetahui apa juga yang dilakukan adalah untuk negara dan rakyatnya tetapi, walaupun dunia memberi perhatian kepada Malaysia dan mengiktiraf sumbangannya, beliau masih tidak menerima pengiktirafan itu sebagai keseluruhan miliknya. Beliau pasti akan menyatakan pengiktirafan itu sebagai penghormatan kepada rakyat.*

*Ini terbukti dalam wawancara beliau dengan*

*wartawan Arab Saudi di Riyadh selepas menerima anugerah tertinggi Arab Saudi itu. Beliau bangga dan berasa terhormat menerima anugerah bertaraf dunia itu kerana ia merupakan satu menifestasi pengiktirafan terhadap kejayaan Malaysia.*

*Dr. Mahathir berkata anugerah itu adalah bukti kejayaan Malaysia membangunkan negara di samping mengekalkan kemajuan spiritual dan material. Anugerah itu juga adalah satu penghormatan kepada rakyat.*

*“Tanpa sikap toleransi rakyat dan hormat menghormati, Malaysia tidak akan berjaya seperti hari ini - negara berbagai bangsa, berbagai agama tetapi mempunyai kekuatan politik dan ekonomi.” Itulah antara yang ditegaskan oleh Dr. Mahathir. Lebih menarik lagi ialah menurut wartawan Utusan Malaysia, Abdullah Hassan yang membuat liputan penerimaan*

Anugerah Antarabangsa King Faisal oleh Dr. Mahathir di Riyadh, Arab Saudi dalam akhbar *Mingguan Malaysia* keluaran 13 April 1997.

Kisahnyanya hanya bersahaja, tiada yang trajis tetapi baginya amat menarik. Catatannya berkisar dalam Masjidil Haram di Makkah apabila ditegur sapa oleh seorang jemaah haji, rakyat biasa Indonesia. Inti perbualannya ialah jemaah haji Indonesia itu memuji Dr. Mahathir di atas sumbangannya kepada Islam, contohnya sokongan beliau terhadap Bosnia. Namun begitu bukan pujian yang menjadi pokok, tetapi tempat di mana pujian itu dibuat iaitu di dalam Masjidil Haram, di hadapan Kaabah yang menjadi kiblat beribu juta umat Islam seluruh dunia. Dia amat kagum. Ini adalah kerana Dr. Mahathir telah dipuji di merata penjuru dunia tetapi baginya itulah pertama kali dia sendiri mengalami di mana sebelum ini, belum pernah dia mendengar atau terbaca Dr. Mahathir dipuji di

dalam Masjidil Haram.

Walaupun Malaysia sebuah negara kecil tetapi sumbangannya kepada Islam amat besar. Sumbangan Dr. Mahathir kepada dunia Islam amat banyak. Tengok Bosnia, siapakah pemimpin Islam atau Dunia Islam yang selantang Dr. Mahathir:

Dia bersungguh-sungguh menolong Bosnia dan dia berani bersuara kerana dia menyuarakan kebenaran. Syukur kerana pemimpin Malaysia mendapat pujian sebegitu rupa di Tanah Haram, kawasan yang paling suci dan mulia di dunia. Selain daripada itu, pujian spontan itu disuarakan dari hati yang ikhlas seorang jemaah haji yang baru tiba dari Madinah, menziarah Makam Nabi kepada seorang wartawan Malaysia.

Begitulah popularnya Dr. Mahathir: Negara maju menghormatinya, pemimpin dunia memujinya, negara

*dunia ketiga memuja kepimpinannya dan dunia Islam mengiktirafnya. Kini rakyat biasa di sebuah negara lain pula turut memuliakannya.*

*Keinginan Dr. Mahathir telah tercapai. Bangsa Melayu tidak perlu menjerit-jerit meminta dihormati, tetapi menerusi kerja keras, mampu membuktikan kemampuan diri, bangsa dan negara, penghormatan*

*dunia akan datang dengan sendiri.*

*Sebenarnya, Malaysia hanyalah sebuah negara kecil tetapi Dr. Mahathir menjadikannya besar. Malaysia kini berdiri sama tinggi dengan negara maju dan bangsa Melayu duduk sama rendah dengan bangsa-bangsa terkemuka di dunia, namun perjuangannya masih belum selesai.*

***Pencapaian Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad  
Dalam Arena Politik Dan Kerajaan***

- 1953 - *Medical Houseman Hospital Besar Pulau Pinang, Hospital Besar Alor Setar, Pulau Langkawi dan Perlis*
- 1954 - 1957 - *Letak jawatan dari kerajaan dan menubuh MAHA KLINIK di Alor Setar, Kedah*
- 1946 - *Menjadi Ahli UMNO*
- 1964 - 1969 - *Ahli Parlimen Kota Setar, Kedah*
- 1965 - 1969 - *Ahli Majlis Tertinggi UMNO*
- 1969 - *Dibuang dari UMNO*
- 1970 - *Kembali ke pangkuan UMNO*
- 1973 - 1974 - *Pengerusi FIMA*
- 1974 - *Menang tanpa bertanding dalam Pilihanraya Umum bagi kawasan Parlimen Kubang Pasu, Kedah*

- 1974 - 1977 - *Menteri Pelajaran Malaysia*
- 1975- Sept. 1978 - *Naib Presiden UMNO*
- 5hb. Mac 1976 - *Timbalan Presiden UMNO*  
Julai 1981
- 1hb. Jun 1978 - *Menteri Perdagangan Malaysia*  
Julai 1981
- 1978 - *Memenangi dalam Pilihanraya Umum kawasan  
Parlimen Kubang Pasu, Kedah*
- 15hb. Sept. 1978 - *Timbalan Perdana Menteri Malaysia*  
25hb. Jun 1981
- 26hb. Jun 1981 - *Presiden UMNO*
- 10hb. Julai 1981 - *Perdana Menteri Malaysia hingga ke hari ini*

\* [ Sumber dari perpustakaan Kumpulan Akhbar Utusan Melayu ].



*Dr. Mahathir bersama isteri Dr. Siti Hasmah sewaktu pelancaran kereta 'Tiara' tahun 1995*





*TAHNIAH! Begitulah agaknya yang diucapkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir kepada Pengerusi DRB-HICOM (Allahyarham) Tan Sri Yahiya Ahmad selepas melancarkan kereta 'Satria' di PWTC pada 25 Mei 1994*






*YAB Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia merasmikan Projek Menara Kembar PETRONAS pada 15 September 1992*



*YAB Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, merasmikan upacara Mengangkat Jejantas Udara Menara Kembar PETRONAS pada 7 Ogos 1995. Turut memerhatikan upacara tersebut ialah Y.Bhg. Tun Sri Datuk Seri Azizan Zaimul Abidin, Pengerusi Kuala Lumpur City Centre.*




*Menara Kembar PETRONAS*



*YAB Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, ketika perasmian upacara Penuangan Konkrit (Concrete Pour) untuk Menara Dua, Menara Kembar PETRONAS pada 19 Februari 1994*





*Struktur Menara Kembar PETRONAS, diperhatikan oleh Y.Bhg. Tan Sri Datuk Seri Azizan Zainal Abidin, Pengerusi Kuala Lumpur City Centre*



*YABhg. Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali disertai ahli-ahli BAKFI melawat projek Kuala Lumpur City Centre dan Menara Kembar PETRONAS pada 20 Februari 1997.*





*Pembukaan rasmi restoran berputar Seri Angkasa pada malam perasmian Menara Kuala Lumpur*



*Pemotongan 'Ribbon Laser' bagi menandakan perasmian Menara Kuala Lumpur pada 1 Oktober 1996*



*Upacara meletakkan barangan di antaranaya sajak Perdana Menteri "Perjuangan Yang Belum Selesai"  
ke dalam kapsul masa di malam perasmian Menara Kuala Lumpur*



*Pemandangan Menara Kuala Lumpur dari udara*





*Datuk Seri Dr. Mahathir mencuba keselesaan Kereta Solar Suria Kar 2020 selepas majlis pelancaramnya di Universiti Teknologi Malaysia UTM di Skudai, Johor pada 12 Januari 1996*



*DR. MAHATHIR MOHAMAD tersenyum bangga di samping prototaip teksi NGV Malaysia yang diperkenalkan sempena persidangan dwitaluhunan kali ke-5 Persatuan Antarabangsa Kenderaan Gas Asli (NGV 96) di Pusat Dagangan Duma Putra, Kuala Lumpur. Turut sama ialah Menteri Pengangkutan, Ling Liong Sik (kiri) dan Pengerusi Petronas, Azlan Zainul Abidin (kanan).*





DR. MAHATHIR bersama kanak-kanak Bosnia ketika penyerahan cek-cek bantuan pendidikan Bosnia. Kelihatan Menteri Pelajaran Malaysia, Datu' Seri Najib Tun Abdul Razak (kiri) sedang bertanya sesuatu kepada kanak-kanak Bosnia



*Pengangkutan moden "LRT" jelas menunjukkan betapa sensitifnya Dr. Mahathir terhadap pengangkutan demi untuk kemudahan dan keselesaan rakyat dan pelancong*



*'LIMA' merupakan ilham Dr. Mahathir dan menjadikan Pulau Langkawi begitu terkenal sebagai destinasi pelancongan yang membanggakan*





*Pelancaran FORMULA ONE yang disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad  
sempena perasmian LIMA 95' di Pulau Langkawi*



*DR. MAHATHIR merasmikan Kilang Petrol Chemical MTBE di Gebeng, Kuantan pada 25 November, 1993.  
Kelihatan Menteri Besar Pahang, Tan Sri Khalil Yaakub bersama menyaksikan upacara sejarah itu*




*DR. MAHATHIR bersama Tan Sri Ahmad Sarji  
bekas Ketua Setiausaha Negara menyaksikan model Putrajaya  
dalam lawatannya*






*Keindahan Taman Kotaraya - PUTRAJAYA*



*MEASAT 1 di pelantar pelancar di Kourou,  
French Guiana pada 12 Januari 1996*

*Saat pelancaran MEASAT 1 pada 12 Januari 1996 di Kourou, French Guiana*



*DR. MAHATHIR (tengah) bersama isteri Datin Seri Dr. Siti Hasmah (kiri) dan Menteri Penerangan Dato' Mohamad Rahmat (kanan) tersenyum riang menyaksikan saat pelancaran MEASAT 2*



*DR. MAHATHIR ditemani Tun Haniff Omar mendengar penerangan tentang MEASAT 2*





*Tentunya ada sesuatu yang diperkatakan Dr. Mahathir semasa melawat tempat pembuat bot 'MAIZURA' di Langkawi pada 2 Jun 1996*



*DR. MAHATHIR ketika merasmikan pelancaran kelab 'MICRO-LIGHT' mencuba keselesaan tempat duduk TWIN SITTER yang berlangsung di Langkawi pada 2 Jun 1996 lalu*





*DR. MAHATHIR sedang mendengar penerangan oleh Tan Sri Jeng Pek Khing mengenai perancangan Penitmat Bot di Langkawi pada bulan Jun 1996 di Langkawi*



*Diapresiasi persembaan Hotel Sheraton Pertama di Pulau Langkawi pada 29 Julai 1996. Keibutan bersempit  
Datuk Seri Dr. Siti Hasmah dan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Saipul Anwar.*



PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyerahkan bendera negara kepada ketua ekspidisi, Nor Ramli Sulaiman (kiri) sebagai tanda melepaskan peserta projek Malaysia-Everest '97 dalam satu majlis di Dataran Merdeka, 28 Februari 1997  
- Gambar ehson Utusan Malaysia



DI KEMUNCAK DUNIA . . . . Dua pendaki negara, Magendran Munisamy dan Mohanadas Nagapan melalui detik-detik bersejarah sebaik tiba di puncak Gunung Everest pada jam 2.15 waktu Malaysia pada 24 Mei, 1997. *Gambar oleh: M. S. M. M. M.*



जवाहरलाल नेहरू  
अंतर्राष्ट्रीय  
सद्भावना पुरस्कार

JAWAHARLAL NEHRU  
AWARD FOR  
INTERNATIONAL  
UNDERSTANDING